

FREQUENTLY ASK QUESTIONS

PROGRAM DERMASISWA B40 TAHUN 2021

1. Apakah itu Program Dermasiswa B40 Tahun 2021?

Program Dermasiswa B40 bagi tahun 2021 merupakan penajaan yang berfokus kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian peringkat Diploma dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) daripada latar belakang keluarga B40.

Penajaan di bawah program ini adalah bagi pengajian yang ditawarkan di Universiti Awam (UA), Politeknik dan Institut Kemahiran Awam (IKA).

2. Apakah syarat-syarat permohonan Program Dermasiswa B40 Tahun 2020?

2.1 Calon-calon mestilah memenuhi syarat umum dan syarat khusus permohonan seperti berikut :

2.1.1 Syarat Umum

- (i) Warganegara Malaysia.
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik.
- (iii) Menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2020 buat kali pertama.
- (iv) Umur belum mencapai 19 tahun pada tarikh permohonan (20 tahun bagi pelajar peralihan).
- (v) Ibu dan / atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak JPA.
- (vi) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana pihak di peringkat pengajian yang sama.
- (vii) **Pendapatan perkapita dalam kategori B40 iaitu RM4,849.00 sebulan dan ke bawah.**

2.1.2 Syarat Khusus

(i) **Bagi Institut Kemahiran Awam (IKA)** yang merangkumi Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) / Institut Kemahiran MARA / Kolej Kemahiran Tinggi MARA / Kolej Komuniti / Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) / Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI):

(a) **Menduduki SPM 2020 dan mendapat kepujian** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu dan Sejarah** serta **mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam mana-mana satu (1) subjek lain** yang diambil; dan

(b) **Telah mendapat tempat dan memulakan pengajian di institusi pengajian tersebut.**

(ii) **Bagi Universiti Awam (UA) dan Politeknik:**

(a) **Menduduki SPM 2020 dan mendapat kepujian** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu dan Sejarah** serta **mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam mana-mana tiga (3) subjek lain** yang diambil.

(b) **Telah mendapat tempat dan memulakan pengajian di institusi pengajian tersebut.**

3. Apakah bidang pengajian yang tidak ditaja?

Bidang Pengajian yang tidak ditaja adalah seperti berikut:

- i. Pendidikan.
- ii. Kejururawatan.
- iii. Sijil Profesional untuk perlesenan seperti lesen penerbangan (*Aircraft Maintenance License*).
- iv. Kursus Profesional seperti *Certified Legal Practitioner* (CLP) dan *Chartered Accountancy* (CA).

4. **Saya menduduki peperiksaan SPM 2019. Bolehkah saya memohon Program Dermasiswa B40 Tahun 2021?**

Tidak. Program Dermasiswa B40 Tahun 2021 hanya dibuka kepada pelajar lepasan SPM tahun 2020 sahaja.

5. **Adakah saya layak memohon sekiranya pendapatan perkapita melebihi RM 4,849.00?**

Pendapatan perkapita dalam kategori B40 iaitu **RM4,849.00 sebulan dan ke bawah sahaja** yang memenuhi syarat permohonan.

6. **Sekiranya saya menolak tawaran biasiswa di bawah Program Dermasiswa B40 Tahun 2021, adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?**

Ya. Pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA sekiranya melepasi syarat-syarat permohonan program penajaan.

7. **Bagaimana saya boleh memohon penajaan JPA di bawah Program Dermasiswa B40 Tahun 2021?**

Permohonan dibuka secara atas talian (*online*) di Portal eSILA <https://esilav2.jpa.gov.my> selama empat belas (14) hari mulai 12 hingga 25 Julai 2021.

Calon dibenarkan mendaftar, mengemaskini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan Dermasiswa B40 Tahun 2021** sebagai bukti permohonan telah dibuat.

8. Apakah nombor atau saluran yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan?

Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan mengemukakan pertanyaan menerusi emel dermasiswab40@jpa.gov.my (emel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja iaitu mulai 12 Julai 2021 sehingga 25 Julai 2021).

Sesi **soal jawab secara langsung** juga diadakan sepanjang tempoh permohonan dibuka berdurasi satu (1) jam iaitu pada jam **10.00-11.00 pagi** dan **2.30-3.30 petang (tidak termasuk cuti umum dan hari minggu)** di pautan <https://meet.google.com/xof-yzvp-fku>.

9. Bilakah tarikh tutup permohonan program ini?

Tarikh tutup permohonan ialah pada **25 Julai 2021 jam 5.00 petang**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

10. Bilakah tarikh keputusan permohonan program ini akan dimaklumkan?

Keputusan permohonan penajaan ini dijangka akan diumumkan dalam portal eSILA di alamat <https://esilav2.jpa.gov.my/> pada **penghujung Ogos 2021**. Jika terdapat sebarang perubahan pengumuman tarikh keputusan, ia akan dimaklumkan dalam portal berkenaan.

*Dikemaskini pada 5 Julai 2021